



The screenshot shows a web browser window displaying the Utusan Malaysia Online website. The browser's address bar shows the URL: `utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0227&pub=Utusan_Malaysia&sec=Rencana&pg=re_cc.htm`. The website header features the "Utusan ONLINE" logo and a navigation menu with categories: NASIONAL, ARTIKEL, WILAYAH, LUAR NEGARA, HIBURAN, SUKAN, BISNES, PENDIDIKAN, SAINS, REKREASI, GAYA HIDUP, VIDEO. Below the menu are links for "LAMAI UTAMA", "ARKIB BERITA", "JOM IKLAI", and "ENGLISH VERSION". A search bar with a "CARI" button is also present.

The main content area displays the article "Jentayu yang pergi" under the "RENCANA" section, dated "ARKIB : 27/02/2011". The article text reads:

Pada pagi Khamis, 24 Februari 2011, Pengerusi Jawatankuasa untuk Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian Antara Penganut Agama (JKMPKA), Datuk Illani Isahak pergi mengadap ilahi.

Pemergiannya pada saat jawatankuasa itu sedang giat berdialog bagi memulakan usaha membina kepercayaan antara penganut-penganut agama bukanlah sesuatu yang mengejutkan. Urus setia bersama sedia maklum tentang tahap kesihatan beliau. Pada waktu itu, kudrat beliau semakin lemah sehingga bersolat pun dilakukan secara duduk. Namun, keikhlasan hati dan semangat tinggi beliau (tanpa pejabat dan kemudahan-kemudahan sokongan) mahu melaksanakan tugas itu dalam apa sahaja masa yang tersisa sangat menyerlah.

Kami kerap menerima SMS daripada beliau tidak kira masa menyebabkan urus setia mengandakan usaha agar matlamat murni persefahaman berkaitan isu-isu agama dapat terus dipupuk dan diperkukuhkan secara muhibah semasa hayat beliau.

Beberapa program telah berjaya diadakan walaupun jawatankuasa menerima amanah secara rasmi pada 9 Julai 2010. Sebelum melangkah jauh, beliau dengan sokongan padu urus setia bersama telah menganjur bengkel untuk membangunkan pelan strategik bagi jawatankuasa.

Keazaman beliau untuk memastikan visi dan misi jawatankuasa serta terma rujukan dan bidang tugas dimantapkan dihadiri sepenuhnya walaupun kesihatan beliau pada waktu itu kurang baik. Antara batuk dan kepayahan bemafas, beliau mahu pelan jangkamasa pendek dan panjang dirangka bersama. Dalam ucapan aluan, beliau mengingatkan bahawa setiap ahli perlu berhati-hati kerana tidak mahu terjebak dengan prasangka-prasangka buruk. Atas ingatan tersebut, landasan yang dibina selama dua hari itu memfokuskan kepada usaha-usaha yang mempromosi persefahaman dan keharmonian di antara penganut agama melalui cara mewujudkan, menggalak serta memantapkan iklim perhubungan yang baik di kalangan pemimpin serta penganut pelbagai agama.

Penekanan itu dilakukan agar terbina jambatan persahabatan berteraskan semangat saling hormat menghormati, percaya mempercayai dan bekerjasama di semua peringkat kepimpinan serta akar umbi. Kerja-kerja tersebut diamanahkan kepada Jawatankuasa Kerja Aktiviti bagi

On the left sidebar, there are sections for "E-PAPER" (showing a thumbnail of the newspaper), "KOMUNITI" (with sub-links for Waktu Solat, Laporan Cuaca), "BERITA" (with sub-links for Berita Utama, Dalam Negeri, Wilayah, Laporan Khas), and "Budi Bahasa Budaya Kita" (with a logo of a smiling face).

At the bottom left, a small status bar indicates "Connected to static.ak.connect.facebook.com..."